

MB BERI EXCO KUASA TAMBAHAN

KOTA BHARU, Rabu — Kesemua anggota Exco Kerajaan Negeri Kelantan akan diberi tanggungjawab penuh mengendalikan portfolio yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Dalam perubahan baru ini, anggota-anggota Exco itu akan dilantik menjadi pengerusi kepada portfolio-portfoli berkenaan.

Pada masa lalu, anggota-anggota Exco hanya memegang jawatan sebagai timbalan pengerusi kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan. Jawatan pengerusinya dipegang oleh Menteri Besar.

Menteri Besar, Datuk

Haji Mohamad Yaakob, masa lalu menjadi pengerusi kepada lapan dari sembilan jawatankuasa. Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Belia dan Sukan dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Besar.

Jawatankuasa-jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Menteri Besar ialah Tanah, Perhutanan dan Hasil Bumi; Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kemajuan Kampung; Kewangan dan Perancangan Negeri; Pertanian, Perparitan, Haiwan dan Perikanan; Kerjaya, Perbekalan Air dan Kemudahan Awam; Kemajuan Agama; Pendidikan, Kesihatan dan Kebajikan; dan Ja-

watankuasa Perjawatan dan Penasihat Penghulu-penghulu Kampung.

Kemungkinan berlaku sedikit rombakan kepada beberapa jawatankuasa tersebut bagi memperkemas lagi fungsi dan kuasa-kuasanya, kata sumber-sumber Kerajaan Negeri di sini hari ini.

Katanya, tujuan memberi tanggungjawab penuh kepada setiap anggota Exco menjadi pengerusi jawatankuasa-jawatankuasa itu supaya segala gerakan kerja dan tindakan yang diambil memberi kesan yang lebih baik.

Katanya lagi, mesyuarat pertama Exco baru Negeri Kelantan akan diadakan pada 19 Mei ini dan akan dipengerusikan

oleh Datuk Haji Mohamad.

Dalam mesyuarat itu, Datuk Haji Mohamad dijangka menggariskan secara kasar bentuk tugas dan tanggungjawab setiap anggota Exco, terutama kepada muka-muka baru, sebelum penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan.

Berita Harian difahamkan, jawatankuasa-jawatankuasa itu dan perlantikan pengerusi, timbalan pengerusi serta ahli-ahlinya akan dibuat selepas 20 Mei.

Peranan

Sumber-sumber itu memberitahu lagi, fungsi dan peranan jawatankuasa-jawatankuasa itu nanti selaras dengan slogan 'berhis, cepak dan amanah' seperti yang dikehendaki oleh Perdana Menteri.

Sementara itu, pemilihan Speaker Dewan Undangan Negeri yang baru akan dibuat pada 16 Mei ini, serentak dengan acara angkat sumpah semua ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Acara angkat sumpah itu akan dilakukan selepas Dewan memilih Speaker, dan Menteri Besar akan mengetuai acara tersebut.

Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Pahl, Encik Aziz Talib, dijangka dipilih menjadi Speaker baru menggantikan Haji Daud Yatimec Ahmad.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia